



سوراء واقف الهمم دواجي دادابوي
SURAU WAKAF AHMAD
DAWJEE DADABHOY
MENARA BANK ISLAM

Bil 1 • Januari - Jun 2017

Buletin SWADD

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy



Memacu Imarah Membina Ummah

Konvensyen Imarah Masjid Serantau 2017

04 Mei 2017 - Buat julung-julung kalinya SWADD dan Bank Islam Malaysia Berhad dengan Kerjasama Sekretariat Dakwah Korporat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Konvensyen Imarah Masjid Serantau 2017.

Konvensyen yang berlangsung di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur ini telah dimeriahkan dengan kehadiran para pentadbir-pentadbir masjid seluruh Malaysia dan tetamu jemputan seramai hampir 500 orang.

YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi juga telah melancarkan "e-Masjid" iaitu platform yang dibangunkan oleh Bank Islam bagi memudahkan pengurusan kewangan masjid dan surau melibatkan rekod, pengurusan tunai dan pembayaran dengan lebih mudah dan sistematik.

sambungan >> 6



Menarik di dalam



Mensyukuri
Rahmat
Ramadan

>> 10

Seminar FALAH :
Wacana Ilmu
Memugar Amal

>> 5



Setinta Emas / Pengerusi SWADD

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على رسوله الكريم وعلى آله وأصحابه أجمعين

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita masih dapat menghirup udara segar lagi pada masa kini. Semoga ianya dimanfaatkan bagi meneruskan pengabdian kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk." (Surah At-Taubah: ayat 18)

Memulakan risalah ini, saya memanjatkan syukur kepada Allah SWT buat-buat julungkalinya SWADD dapat menerbitkan Buletin SWADD Januari-Jun 2017 untuk tatapan para jemaah sekalian.

Sesungguhnya SWADD adalah sebuah rumah Allah yang unik di Malaysia. Ia menjadi sebahagian daripada ikon wakaf utama Malaysia iaitu Menara Ijarah Wakaf atau Menara Bank Islam yang telah didirikan di atas tanah yang diwakafkan oleh Al-marhum Ahmad Dawjee Dadabhoy kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Aktiviti SWADD sebagai sebuah surau institusi korporat yang ditauliahkan sebagai surau diri Jumaat di dalam ikon wakaf ini menjadi sebahagian daripada usaha-usaha pembuktian wakaf sebagai insitisi berpotensi tinggi dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah.

Dengan bersumberkan kemurahan hati para jemaah yang menyumbangkan sumbangan khususnya setiap hari Jumaat dan sokongan pengurusan Bank Islam Malaysia Berhad, SWADD bukan sahaja dapat menyediakan fasiliti terbaik untuk keselesaan ibadah para jemaah; bahkan telah berjaya melaksanakan beberapa program berimpak tinggi dalam bulan Januari – Jun 2017. Antaranya merentasi sempadan negara dengan menganjurkan program Konvensyen Ijarah Masjid Peringkat Serantau dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Konvensyen ini telah mengumpulkan hampir 500 orang pemimpin-pemimpin masjid daripada seluruh Malaysia untuk mendapatkan inspirasi daripada peneraju masjid-masjid terbaik di Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei Darussalam. Kesempatan juga diambil oleh Bank Islam Malaysia Berhad dalam konvensyen yang dirasmikan oleh YB Dato' Dr Asyraf Wajdi Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk melancarkan "e-masjid" iaitu penyelesaian pengurusan kewangan masjid menggunakan teknologi perbankan.

Program-program lain juga telah disemarakkan dan diperincikan dalam buletin. Dari aspek tata kelola dana awam, sesungguhnya Buletin SWADD yang ulung ini adalah satu usaha pendedahan dan pelaporan (disclosure and reporting) pengurusan dana yang diamanahkan kepada Jawatankuasa SWADD oleh para jemaah.

Menutup bicara, saya mewakili seluruh Ahli Jawatankuasa dan Pegawai SWADD merakamkan sejuta penghargaan kepada seluruh jemaah SWADD atas sumbangan dan sokongan dalam mengimarahkan SWADD serta usaha-usaha pelebaran manfaatnya kepada ummah melampaui sempadan Jalan Perak di ibukota ini. Semoga amalan ikhlas ini akan dituai hasilnya di akhirat kelak dengan penuh kegembiraan.

Allah SWT berfirman maksudnya:

"Perumpamaan (derma atau nafkah) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah sama seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, setiap tangkai pula mengandungi seratus biji. Allah melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui." (Surah al-Baqarah: 261)

Haji Mohd Nazri Chik
Pengerusi SWADD



AHLI JAWATANKUASA

SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY

2016-2018



PENGERUSI
HAJI MOHD NAZRI CHIK



SETIAUSAHA
USTAZ MOHD JUZAILI JUHAN



TIMBALAN PENERUSI
ENCIK ROSLI UMAR



BENDAHARI
USTAZ MOHAMAD FAIZ IBRAHIM

• AHLI JAWATANKUASA •



PUAN AZIZAH ABDUL AZIZ



ENCIK AZMIR ABDUL MALEK



PUAN SURYATI ABU SUJAK



ENCIK AHMAD ZAINAL
MOHAMAD TAJIE



ENCIK GAFOR MOHD NOR



ENCIK SAPUAN DAMAN



ENCIK AHMAD SUHAIMI
HASSAN

• PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM •

• PEMERIKSA KIRA-KIRA •



USTAZ ABDULHADI
AB RAHMAN



USTAZ MUHAMMAD
SYAZWAN HAMZAH



USTAZ MUHAMMAD
NAZRIE ABDURRAHIM




USTAZ YUSOF ASSIDIQQI
AHMAD SHARKAWI



ENCIK SYAHREL AZLEE
ABDULLAH

ALLAHYARHAM AHMAD DAWJEE DADABHOY



Tanpa sikap pemurah dan dermawan Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy (ADD), tidak mungkin sebuah Menara kebanggaan umat Islam kini tersergam di Jalan Perak.

Tanah di Lot 168 & 169 merupakan hartanah yang diwakafkan oleh Allahyarham ADD. Pada tahun 1940an, Allahyarham ADD memilih untuk menetap di Semenanjung Tanah Melayu setelah merantau berdekad di dunia. Fasih dalam pelbagai bahasa dan amat gemar pada kitab dan ilmu dengan rangkaian kenalan di merata dunia, beliau merupakan seorang hartawan dan ahli perniagaan yang sudah pun berjaya tatkala itu.

Beliau yang dilahirkan pada tahun 1907 di Gujerat, India telah menceburi bidang perniagaan dan telah mengumpul kekayaan hartanah dan saham. Dari awal lagi, beliau telah menginfakkan hartanya melalui institusi wakaf. Institusi tersebut pada asalnya merupakan wakaf keluarga tetapi kemudiannya dinamakan Alwaaful Islamiul Alamee. Suratcara penubuhan wakaf ini telah diedarkan pada tahun 1971.

Dengan penampilan gaya hidup yang sederhana, kediaman beliau sehingga akhir hayat hanyalah sebuah flat di Masjid India yang dipenuhi dengan kitab-kitab serta majalah. Tiada siapa yang tahu warga tua yang sering kelihatan di warung-warung persekitaran merupakan seorang dermawan yang murah hati.


Pada 24 Januari 1987, beliau telah kembali ke rahmatullah. Sebelum meninggal dunia, Allahyarham telah menyatakan hajat beliau untuk memberikan wakaf yang terdiri daripada beberapa harta benda dan juga tabung dana kepada pihak penguatkuasa agama.

Harta beliau telah diserahkan kepada MAIWP melalui "vesting order" yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 18 September 1991 setelah beliau meninggal dunia dan mahkamah mendapati Allahyarham ADD tidak mempunyai waris.

Bermula dengan sikap dermawan dan pemurah Allahyarham ADD, ianya kini menjadi mercu tanda dan kebanggaan dan umat Islam. Pulangan yang diterima oleh MAIWP akan dipulangkan untuk manfaat asnaf dan ummah seluruhnya. Betapa besar manfaat yang diperolehi berpunca dari amalan wakaf Allahyarham ADD.

Selain tanah di Jalan Perak ini, MAIWP turut bertanggungjawab kepada hartanah Allahyarham iaitu 1 lot kedai di Kompleks Pertama, Kuala Lumpur dan 3 buah rumah di sekitar Kuala Lumpur. Di samping hartanah tersebut, MAIWP turut menjadi pemegang amanah kepada harta wakaf Allahyarham yang berbentuk saham dalam dan luar negeri.

Allahyarham ADD merupakan seorang yang rajin membaca. Beliau memiliki banyak koleksi buku di mana setelah beliau meninggal dunia MAIWP telah menyimpan sebanyak 1,077 buah buku dan kini disimpan di Perpustakaan Institut Profesional Baitulmal, Kampung Pandan.



Ketelitian ADD dalam pembacaan dapat dilihat melalui catitan-catitan tangan pada buku yang dibaca



Premis rumah dan lot kedai yang diwakafkan oleh ADD

Sumber rujukan : 4 Dekad MAIWP : Memacu Kegemilangan Ummah, Cetakan 2015



VISI SWADD

Menjadi sebagai Surau Jumaat contoh di dalam Wilayah Persekutuan dalam memberi khidmat kepada ummah

MISI SWADD

1. Penghayatan Ibadah
2. Peningkatan Ilmu dan Dakwah
3. Prihatin Ummah
4. Fasiliti yang Efektif dan Kondusif

MOTO SWADD

Mengoptimumkan Inovasi Wakaf untuk masa depan ummah

Sidang redaksi

Penasihat

Ustaz Haji Mohd Nazri Chik
Pengerusi SWADD

Encik Azmir Abdul Malek
AIK SWADD

Ketua Sidang Redaksi

Ustaz Mohd Juzaili Juhan
Setiausaha SWADD

Sidang Redaksi

AbdulHadi Ab Rahman
Mohammad Syazwan Hamzah
Yusof Assidiqqi Ahmad Sharkawi
Muhammad Nazrie Abdurrahim

Grafik, Rekabentuk & Fotografi

Syamsul Baharin Zahari
Yusof Assidiqqi Ahmad Sharkawi

Sebarang komen atau cadangan penambahbaikan sila hubungi :

Pejabat Pengurusan, Surau Wakaf
Ahmad Dawjee Dadabhoy
Tingkat 15, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur

03-2164 6318/6317

swaddmbi@gmail.com

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy

swadd_mbi

www.swadd.com.my



Perkongsian Inspirasi Dakwah

Lawatan SWADD ke IPSI, Pulau Pinang

18-20 Mac - Pengurusan SWADD telah mengadakan lawatan kerja ke Islamic Propagation Society International (IPSI) Pulau Pinang dan Masjid Kapitan Keling, Pulau Pinang bagi mempelajari pengalaman dan inspirasi dalam pengurusan kerja-kerja dakwah kepada pelancong-pelancong non-muslim.

Rombongan ini diketuai oleh Pengerusi SWADD, Haji Mohd Nazri Chik diikuti oleh Setiausaha SWADD, Ustaz Mohd Juzaili Juhan, Bendahari SWADD, Ustaz Mohamad Faiz Ibrahim,



Pegawai-pegawai SWADD, Ustaz Abdulhadi Ab Rahman dan Ustaz Muhammad Syazwan Hamzah. Turut serta dalam rombongan lawatan kerja ini ialah Ustaz Ahmad Rosidi Mohmad, Ketua Imam Masjid Asy-Syakirin, KLCC dan Ustaz Mohd Faisal Tan Mutallib, Ketua Imam Masjid Jamek Bandaraya Kuala Lumpur.

Wacana Ilmu Memugar Amal



Seminar Penghayatan Surah Al-Fatihah & Solat (FALAH)

4 Mac - Buat julung-julung kalinya pihak SWADD telah berjaya menganjurkan program Seminar Penghayatan Surah Al-Fatihah & Solat (FALAH) dengan kerjasama Masjid Asy-Syakirin KLCC dan Perpustakaan Kuala Lumpur. Seminar yang berlangsung di Auditorium Elyas Omar, Perpustakaan Kuala Lumpur telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kalangan jemaah dan orang awam.

Seramai 140 peserta telah berdaftar dan menyertai seminar ini yang mengupas tajuk mengenai rahsia surah Al-Fatihah dan solat. Sebanyak empat slot pembentangan kertas kerja telah dibentang di dalam seminar FALAH kali ini.

Slot pembentangan kertas kerja dimulakan dengan tajuk "Formula Sempurna Solat dan Kesalahan Biasa Dalam Solat" yang dibentangkan oleh Ustaz Shahrizan Daud At- Turabi.

Beliau menekankan tentang cara dan kaedah solat yang sempurna serta menepati kehendak syariat dan sunnah Nabi SAW.

Pada sesi kedua, para peserta didedahkan mengenai "Rahsia Kelebihan Al-Fatihah Dalam Kehidupan Sehari-hari" yang disampaikan oleh Ustaz Syaari Ab Rahman. Beliau telah menerangkan pelbagai rahsia dalam setiap ayat surah Al-Fatihah sebagai pedoman dan panduan dalam kehidupan sehari-hari.

Sesi pembentangan ketiga sebelah petang dirancakkan lagi oleh Ustaz Amirahman Abas yang merupakan Johan Qari, Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa. Beliau telah menunjukkan cara bacaan Al-Fatihah yang betul melalui kertas kerja yang bertajuk "Praktikal Al-Fatihah dan Makna Tersirat Dalam Al-Fatihah". Lantunan suara beliau yang jelas dan lunak telah memberi galakan kepada para peserta untuk memperbaiki bacaan Al-Fatihah.

Membina Generasi Cemerlang

Kem Motivasi Remaja Intelpek & Sukses (KRIS)

18-20 Mac- SWADD telah berjaya menganjurkan Kem Motivasi Remaja & Intelpek (KRIS) bersempena cuti sekolah bertempat di Lembah Azwen Resort, Hulu Langat. Program ini dikendalikan oleh Mantop Training & Consultancy Sdn Bhd bertujuan untuk menyuntik semangat dan kesungguhan bagi menghadapi peperiksaan yang akan diduduki oleh para pelajar.

Seramai 90 orang peserta yang berusia 15-18 tahun telah menyertai kem ini yang terdiri daripada anak-anak jemaah SWADD dan anak-anak yatim di sekitar Lembah Klang.



Para peserta telah terlibat dengan perbagai aktiviti dan pengisian menarik yang telah disediakan oleh perunding latihan sepanjang 3 hari 2 malam antaranya "Transformasi Diri", "Compass Setting", "Mantop Explorace", "Ice Breaking", "Aku Beriman Aku Cemerlang Trust" dan "Kuasa Memilih" sekaligus memberikan pendedahan kepada para peserta untuk mengubah diri dan mencipta motivasi agar berjaya pada masa akan datang.



Memacu Imarah, Membina Ummah

Konvensyen Imarah Masjid Serantau

>> sambungan dari mukasurat 1

Konvensyen telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan turut dihadiri oleh Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM dan Encik Khairul Kamarudin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Islam Malaysia Berhad.

Majlis perasmian konvensyen ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan dalam ucapannya beliau menyatakan "Saya mengucapkan tahniah atas penganjuran konvensyen ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat kita dari Indonesia, Singapura dan Brunei Darus Salam kerana dapat hadir untuk sama-sama kita berkongsi pendekatan yang terbaik dalam kita menunjukkan model masjid yang disebutkan di dalam Al-Quran iaitu Masjid sebagai pusat untuk kita membina ketaqwaan, yang harus difahami dalam konteks taqwa yang lebih luas.

Dan saya kira ini merupakan satu permulaan yang baik dan mungkin selepas ini boleh diteruskan di negeri-negeri lain yang kita harap masjid-masjid di Wilayah Persekutuan boleh menjadi model kepada program dan aktiviti yang dijalankan dengan bekerjasama dengan majlis-majlis agama Islam negeri lain."

Tiga (3) kertas kerja dibentangkan seperti berikut:

1. "Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM): Menilai Masjid Terbaik" oleh Prof. Madya Dr. Mohd Aderi bin Che Noh, Timbalan Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
2. "Pembangunan Ekonomi Ummah: Potensi Masjid" oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik.
3. "Pengimarah Masjid di Malaysia: Prestasi dan Peranan Kepimpinan" oleh Ustaz Haji Paimuzi Yahya, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Pada sesi petang, pentas konvensyen ini dirancarkan lagi dengan slot Forum Inspirasi yang dikendalikan oleh Encik Wan Kamaruddin Wan Ibrahim, Penerbit Program Imarah Masjid, Astro Oasis selaku moderator forum. Pentas bicara yang menfokuskan perkongsian aktiviti dan pembangunan masjid dari 4 negara nusantara ini telah mendapat perhatian yang menarik daripada para hadirin.

Antara ahli panel yang terlibat adalah wakil Brunei, Tuan Haji Jufle bin Haji Mega, Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam, wakil Singapura iaitu Dr Suhaimi Mustar yang merupakan Pengerusi Masjid Assyakirin, Singapura dan wakil Indonesia, Tuan Haji Zulyadaini, mewakili Masjid Agung Madani Centre (MAMIC), Riau, Indonesia. Manakala wakil dari Malaysia adalah Tuan Haji Yassim Mohamed yang mewakili Masjid As-Salam Punchong Perdana, Selangor dan Tuan Haji Hussein bin Ismail, mewakili Masjid Bandar Baru Uda, Johor Bharu, Johor.



Dakwah Merentasi Sempadan

Misi Bantuan dan Dakwah di Pos Tuel Lojing, Gua Musang

4-7 Mei - SWADD telah menyertai Misi Bantuan Dan Dakwah di Pos Tuel Lojing, Gua Musang yang dianjurkan oleh Kelab Bank Islam Ibu Pejabat (KBI IP) bersama Pertubuhan Penyayang Salam (Salam Relief) serta melibatkan gabungan 10 NGO lain telah bersama-sama berganding bahu dalam merealisasikan misi bantuan dan dakwah ke kawasan perkampungan orang asli di Gua Musang.

Seramai 75 orang sukarelawan terdiri daripada pelbagai bidang telah mengambil bahagian dalam misi ini antaranya Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Sabasun Hyper Runcit, "Team" Perubatan UTM dan HEART Medic & Langit Ilahi, Mercy Culinary serta Persatuan Amal Penyayang Selangor (PAPS). SWADD diwakili oleh Ustaz Abdulhadi Ab Rahman dan Ustaz Muhammad Syazwan Hamzah dalam misi kali ini.



Praktikal Urus Kematian

Kursus Pengurusan Jenazah 2017

20 Mei - Memberi pengetahuan kepada umat Islam setempat mengenai pengurusan jenazah yang merupakan tuntutan fardhu kifayah dalam agama, pihak SWADD telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah dengan kerjasama Masjid Asy-Syakirin KLCC dan Masjid Saidina Hamzah, Kg Batu Muda, Kuala Lumpur.

Kursus ini berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang bertempat di Masjid Saidina Hamzah, Kg Batu Muda berjaya menarik minat 90 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai peringkat di kalangan muslimin dan muslimat.

Antara objektif penganjuran kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat Islam tentang kepentingan mengetahui cara pengurusan jenazah, kaedah pengurusan yang betul, memberi kesedaran serta memenuhi tuntutan fardhu kifayah dalam menjalani kehidupan seharian.

Majlis perasmian Kursus Pengurusan Jenazah telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd Juzaili Juhan, Setiausaha Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut

ialah Ustaz Ahmad Rosidi Mohamad, Ketua Imam Masjid Asy-Syakirin KLCC dan Ustaz Mohammad Shukeri Yaacob, Ketua Imam Masjid Saidina Hamzah.

Semasa berkursus para peserta mengikuti ceramah dan praktikal seperti teori pengurusan jenazah, praktikal memandikan jenazah, mengkafankan jenazah, solat jenazah dan pengkebumian yang telah dibentangkan oleh Ustaz Muhammad Rafieudin Zainal Rasid yang merupakan Pengurus Jenazah Hospital dan Masjid di Wilayah dan Selangor.





Mendidik Orang Asal Tentang Solat

Bengkel Smart Solat

25 Mei - Pihak SWADD diwakili oleh Ustaz Mohammad Faiz Ibrahim, Bendahari SWADD manakala Ustaz Yusof Assidiqqi dan Ustaz Muhammad Nazri selaku Pegawai Hal Ehwal Islam telah dijemput untuk mengendalikan Bengkel Smart Solat sempena Majlis Penyerahan Eco-Balai Rawatan di Kampung Orang Asal Pucur, Kahang anjuran Bank Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Inovasi Strategik Johor.



Program setengah hari ini melibatkan hampir 20 keluarga. Pihak SWADD telah diberikan slot untuk mengendalikan bengkel solat bersama penduduk kampung tersebut. Bengkel dimulakan dengan penerangan tentang tatacara mengambil wuduk dan diteruskan dengan praktikal solat dengan lebih teliti. Seramai 20 orang penduduk tempatan telah menyertai bengkel ini. Setiap peserta diberikan Buku Siri Panduan Hidup Muslim sebagai panduan untuk melaksanakan ibadah dalam kehidupan seharian.

Solat Membentuk Syakhsiah Muslim

Bengkel Pemantapan Ibadah

21 - 17 Jun - SWADD diwakili oleh Ustaz Yusof Assidiqqi Ahmad Sharkawi, Pegawai Hal Ehwal Islam SWADD telah mengendalikan Bengkel Pemantapan Ibadah sempena Program Semarak Ramadan di 18 RAMD (PARA), Kem Sri Pantai, Kuala Nerus, Terengganu anjuran BIMB Holdings Berhad, Berita Harian & Tentera Darat Malaysia.

Bengkel ini yang bermula jam 11:00 pagi hingga 12:30 tengah hari telah disertai oleh 22 orang peserta yang terdiri daripada anak-anak tentera darat di kem berkenaan yang berumur sekitar 3-6 tahun. Program ini bertujuan untuk mendedahkan kepada para peserta mengenai ilmu fardu ain agar dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna berdasarkan sunnah Rasulullah SAW.

Antara fokus utama bengkel adalah motivasi ibadah, kesempurnaan toharah (bersuci) dan kesempurnaan solat. Peserta telah dibimbing secara teori dan praktikal berdasarkan mazhab Imam al-Syafi'i serta disemak bacaan surah al-Fatihah, doa-doa dan zikir-zikir dalam solat.



"Anak-anak kecil ini ibarat kain putih. Sebagai ibu dan bapa, kita perlu mencorakkan mereka dengan amalan-amalan yang ada dalam Islam. Selesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan kerdardhuan. Jadikan mereka orang yang menjaga solat dengan baik. Insya Allah, solat akan membentuk syakhsiah mereka sebagai seorang muslim yang baik dan kehidupan mereka akan sentiasa diberkati Allah SWT." demikian ujar Ustaz Yusof setelah selesai bengkel.

SWADD mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur atas kepercayaan yang telah diberikan dalam mengendalikan Bengkel Smart Solat.





Al-Quran Penyubur Jiwa

Majlis Khatam Al-Quran

21 Jun - SWADD telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang menjadi penutup kepada halaqah tadarus Al-Quran yang berlangsung sepanjang Ramadan di SWADD di samping meraikan 24 orang peserta halaqah tadarus Al-Quran yang istiqamah menyertai program tersebut.

Sebanyak 3 halaqah tadarus Al-Quran bagi jemaah muslimin telah diwujudkan dan dibimbing oleh Pegawai-Pegawai Hal Ehwal Islam SWADD iaitu Ustaz Abdulhadi bin Ab Rahman, Ustaz Muhammad Syazwan bin Hamzah dan Ustaz Yusof Assidiqqi bin Ahmad Sharkawi.

Manakala 1 halaqah tadarus Al-Quran bagi jemaah muslimat telah dibimbing oleh Ustazah Huda Binti Nordin, Timbalan Pengurus, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah sehingga surah an-Nas dan diakhiri dengan bacaan doa oleh Ustaz Yusof Assidiqqi Bin Ahmad Sharkawi. Ustaz Haji Mohd Nazri Bin Chik, Pengerusi SWADD telah merasmikan penutupan majlis tersebut, Turut hadir dalam majlis ini ialah Ustaz Mohd Juzaili Juhan, Setiausaha dan Puan Hajjah Azizah Binti Abd Aziz, Ahli Jawatankuasa.



Sumbangan SWADD Prihatin Ummah

Kelas Fardhu Ain Anak-anak Gelandangan

22 Jun - SWADD diwakili oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengerusi dan Ustaz Mohd Juzaili Juhan, Setiausaha telah menghadiri Majlis Pelancaran Kelas Bimbingan Tauhid, Feqah dan Al-Quran serta Penyerahan Sumbangan Raya untuk anak-anak gelandangan di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) yang terletak di Lorong Haji Husin 2, Kuala Lumpur.

Kelas fardhu 'ain ini dikendalikan oleh Pertubuhan Kebajikan Pelajar Qari dan Qariah Malaysia (PERQAM) dengan kerjasama SBJK dan telah bermula sejak bulan April 2017 bagi membantu 150 anak-anak gelandangan peringkat rendah dan menengah yang masih ketinggalan dari segi ilmu asas Tauhid, Feqah dan Al-Quran.



Kelas ini dijalankan pada hari Isnin, Selasa, Khamis dan Jumaat bermula jam 2:00 hingga 4:00 petang dengan bimbingan 4 orang fasilitator.

Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengerusi SWADD telah menyerahkan replika cek berjumlah RM10,000 kepada Pengerusi PERQAM dengan disaksikan oleh YB Dato' Mas Ermieyati sebagai tanda sumbangan SWADD dalam membantu menjayakan perjalanan kelas fardhu 'ain ini. Sumbangan ini adalah bertujuan bagi memanjangkan sumbangan daripada jemaah SWADD untuk manfaat ummah.





Mensyukuri Rahmat Ramadan

Ramadan Fest @ SWADD 2017

16 Mei - 24 Jun - Buat tahun ke-4 SWADD telah menganjurkan Ramadan Fest@SWADD 2017 sepanjang bulan Ramadan bagi menyemarakkan penghayatan bulan mulia ini. Pelbagai aktiviti telah disusun dan dijalankan bagi manfaat para jemaah SWADD antaranya ialah jamuan iftar (berbuka puasa), halaqah tadarus Al-Quran, kuliah sebelum iftar, solat sunat tarawih, jamuan moreh dan lain-lain lagi. Program saban tahun yang dilaksanakan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para jemaah.

Sejumlah RM165,638 telah dibelanjakan untuk membiayai program ini dan khemah yang gemilang telah dibiayai sepenuhnya oleh Bank Islam Malaysia Berhad.

Pelancaran Ramadan Fest@SWADD 2017 dan Infaq Ramadan diadakan pada 16 Mei 2017 telah disempurnakan oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengerusi SWADD selepas berlangsungnya Kuliah

Perdana yang disampaikan oleh Saudara Shamsul Debat, seorang pendakwah yang terkenal.

Dalam ucapan perasmian, Ustaz Haji Nazri merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua jemaah yang telah menghulurkan sumbangan kepada SWADD dan manfaat tersebut telah dikongsikan kepada jemaah melalui pengisian program lhya' Ramadan ini. Beliau turut melancarkan gimik infaq Ramadan dengan memasukkan sampul infaq ke dalam tabung.

Program iftar bukan sahaja menarik kedatangan para jemaah SWADD, bahkan ditularkan ke seluruh negara oleh pengunjung melalui facebook dan turut menarik kedatangan pelancong warga asing, kelompok gelandangan dan bukan Islam seramai lebih 500 orang.



KULIAH TAMAN SYURGA SWADD

KULIAH ZOHOR



Ustaz Abdul Rahim Nasir
Hari Isnin minggu pertama
"Kitab Iman & Kehidupan"



Ustaz Haji Anuar Elias
Hari Selasa minggu pertama
"Fiqh Muamalat : Fiqh Manhaji "



Ustaz Imam Muda Hafiz
Hari Rabu minggu Pertama
"Kitab Tazkirah Imam Qurthuby"



Ustaz Awang Mamat
Hari Khamis minggu pertama & ke-3
"Kitab Fiqh Kekeluargaan & Minhajul Abidin"



Ustaz Haji Abdul Halim Saad
Hari Isnin minggu pertama & ke-3
"Kitab Adillatun Nurain"



Ustaz Ikram Badardin
Hari Selasa minggu ke-2
"Kitab Kehidupan Para Sahabat"



Ustaz Haji Mohamad Faiz Ibrahim
Hari Rabu minggu ke-2
"Perubatan Islam"



Ustaz Haji Mohd Nazri Chik
Hari Khamis minggu ke-2
"Kitab Tafsir Ayat Ahkam As-Sobuni"



Ustaz Abdul Aziz Arof
Hari Isnin minggu ke-3
"Kitab Sirah Nabawiyah"



Ustaz Mohd Juzaili Juhan
Hari Selasa minggu ke-4
"Kitab Bulugh al-Maram"



Ustaz Nor Raihan Aziz
Hari Khamis minggu ke-4
"Kitab Bahrul Mazi"



Ustaz Salehuddin Abu Samah
Hari Rabu minggu ke-3
"Fiqh Solat : Kitab al-Muktamad"

KULIAH JUMAAT



Ustaz Muhadir Hj Joll
"Kitab : Adab"
Setiap minggu pertama



Ustaz Azhar Yahya
"Kitab : Fiqh Jumaat"
Setiap minggu kedua



PU Akram Ikrami Taib Azamuddeen
"Islam Jalan Penyelesaian"
17 Februari 2017



Ustaz Rozie Rejab
"Rahsia Al-Quran"
24 Mac 2017



Ustaz Tarmizi Abdul Rahman
"Quranku Sahabatku"
31 Mac 2017



Imam Muda Hassan
"Solat Pintu Segala Ibadah"
7 April 2017



Ustaz Lukman Ibrahim
"Solat Membentuk Peribadi Muslim"
28 April 2017



Ustaz Mohd Shamsul Hakim
"Marhaban Ya Ramadan"
5 Mei 2017

KULIAH TAMAN SYURGA SWADD

KULIAH PERDANA



Ustaz Dr Mohd Izhar Arif
"Mauizhah Dunia"
24 Januari 2017



Ustaz Zulramli M. Razali
"Islam dan Ukhuwwah"
21 Februari 2017



Sheikh Abdul Karim Omar
"Keindahan & Kemuliaan Al-Quran"
28 Mac 2017



Ustaz Syed Norhisyam & Ustaz Fauzi Mustaffa
"Mencari Bahagia"
25 April 2017



Ustaz Shamsul Amri
"Mendidik Keluarga di Bulan Ramadan"
16 Mei 2017

BICARA MUFTI



Sahibus Samahah Datuk Dr
Zulkifli Mohamad Al-Bakri
(Mufti Wilayah Persekutuan)
Hari Isnin Setiap bulan,
minggu keempat



Sahibus Samahah Ustaz Dr
Anhar Opir
(Timbalan Mufti Negeri Selangor)
"Marhaban Ya Ramadan"
26 Mei 2017

HALAQAH JUMAAT



Panel : PU Dr. Toha & Ustaz Halim Hafidz
Moderator : Ustaz Syairazi
"Indahnya Hidup Bersyariat ;
Aqidah Yang Soheh"
24 Februari 2017



Panel : Imam Muda Hafiz & Ustaz Mohd Safwan
Moderator : Ustaz Mohamad Faiz Ibrahim
"Indahnya Hidup Bersyariat ;
Ibadah Yang Sempurna"
17 Mac 2017

KULIAH IFTAR



Ustaz Hud Saleh Huddin
"Sunnah Rasulullah
di Bulan Ramadan"



Sheikh Usamah Badi' Saidan
Al-Filastini Al-Shami
Penterjemah :
Ustaz Mohd Juzaili Juhan



Ustaz Abdulhadi Ab Rahman
"Bebas daripada Azab Api Neraka"



Ustaz Mohd Juzaili Juhan
"Ramadan Bulan Perubahan"



Ustaz Hafiz Yusof
"Persiapan Kembali
Kepada Fitrah"

Doa Mohon Selamat Daripada Hutang

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ،
وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

Ya Allah, cukupkanlah diriku dengan rezeki yang halal daripada-Mu daripada segala perkara yang telah Engkau haramkan. Cukupkanlah aku dengan bergantung harap kepada kelebihan-Mu daripada aku bergantung kepada selain daripada-Mu.

(Riwayat at-Tirmizi)

Doa Ketika Ditimpa Rasa Sedih Dan Dukacita

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ،
وَالْبَخْلِ وَالْجُبْنِ، وَضَلَعِ الدِّينِ وَغَلْبَةِ الرَّجَالِ

Ya Allah, sesungguhnya aku mohon perlindungan dengan-Mu daripada rasa susah hati dan kesedihan, daripada lemah dan malas, daripada sifat bakhil dan sifat penakut dan daripada desakan berhutang dan paksaan orang.

(Riwayat al-Bukhan)

TRANSFORMASI SWADD

2016- 2017

Sebelum




Selepas




Ruang Utama Solat



Pintu Masuk



Papan Kenyataan



Penghawa Dingin



TRANSFORMASI SWADD

2016- 2017

Signage Wuduk




Tempat Wuduk



Speaker B1 & B2



Rak Al-Quran B1



Penanda Arah Ke Tandas




Papan Kenyataan Muslimat



Tempat Wuduk Bilik Imam



Perpustakaan Mini



LAPORAN KEWANGAN

JANUARI-JUN

JANUARI	
Perincian	Jumlah (RM)
Baki Tunai	361,781.75
Jum. Penerimaan	
Tabung Surau	80,978.20
Lain-lain Pendapatan	677.14
	81,655.34
Tolak : Jumlah Perbelanjaan	143,064.77
Tambah :	
Pelaburan Deposit Bertempoh (i) Tawarruq	508,957.57
Akaun Sumbangan	167.35
Baki di Bank Dan Pelaburan	809,497.24

FEBRUARI	
Perincian	Jumlah (RM)
Baki Tunai	300,372.32
Jum. Penerimaan	
Tabung Surau	81,280.00
Lain-lain Pendapatan	42,300.99
	123,580.99
Tolak : Jumlah Perbelanjaan	155,044.00
Tambah :	
Pelaburan Deposit Bertempoh (i) Tawarruq	508,957.57
Akaun Sumbangan	941.39
Baki di Bank Dan Pelaburan	778,808.27

MAC	
Perincian	Jumlah (RM)
Baki Tunai	268,909.31
Jum. Penerimaan	
Tabung Surau	113,528.50
Lain-lain Pendapatan	9,952.66
	123,481.16
Tolak : Jumlah Perbelanjaan	186,004.90
Tambah :	
Pelaburan Deposit Bertempoh (i) Tawarruq	508,957.57
Akaun Sumbangan	1,734.56
Baki di Bank Dan Pelaburan	717,077.70

APRIL	
Perincian	Jumlah (RM)
Baki Tunai	206,385.57
Jum. Penerimaan	
Tabung Surau	88,209.85
Lain-lain Pendapatan	1,905.64
	90,115.49
Tolak : Jumlah Perbelanjaan	81,119.26
Tambah :	
Pelaburan Deposit Bertempoh (i) Tawarruq	513,349.94
Akaun Sumbangan	1,764.77
Baki di Bank Dan Pelaburan	730,496.51

MEI	
Perincian	Jumlah (RM)
Baki Tunai	215,381.80
Jum. Penerimaan	
Tabung Surau	82,232.75
Lain-lain Pendapatan	1,433.52
	83,666.27
Tolak : Jumlah Perbelanjaan	111,086.57
Tambah :	
Pelaburan Deposit Bertempoh (i) Tawarruq	513,349.94
Akaun Sumbangan	4,014.20
Baki di Bank Dan Pelaburan	705,325.64

JUN	
Perincian	Jumlah (RM)
Baki Tunai	187,961.50
Jum. Penerimaan	
Tabung Surau	94,076.00
Lain-lain Pendapatan	527,703.22
	621,779.22
Tolak : Jumlah Perbelanjaan	332,723.67
Tambah :	
Pelaburan Deposit Bertempoh (i) Tawarruq	-
Akaun Sumbangan	16,132.75
Baki di Bank Dan Pelaburan	493,149.80

Penerimaan

Nota :

- Tabung Surau
- Lain-lain Pendapatan

Perbelanjaan

- Alatulis & Cetakan
- Bantuan & Sumbangan
- Belanja Pelbagai
- Belian Aset Surau
- Jamuan Dan Keraian
- Kawalan Keselamatan
- Kos Petugas Surau
- Kos Perlindungan
- Majlis Ceramah Dan Kuliah
- Majlis Khas Dan Kursus
- Majlis Sambutan Islam
- Pembaikan Dan Penyelenggaraan
- Perjalanan Dan Penginapan
- Utiliti

SWADD DI MEDIA BARU

Laman Web Rasmi Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
www.swadd.com.my

Layari Facebook Rasmi Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
facebook.com/Surau.Wakaf.Ahmad.Dawjee.Dadabhoy/

Follow IG Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
instagram.com/swadd_mbi